

KOMPETENSI GRADUAN DIPLOMA PENGURUSAN KOPERASI (DPK)

MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM):

SATU ANALISIS JURANG

ARFIZAWATI ABD HADI

NURUL AINI MUHAMMAD

HAJAR AZWIN HJ MOHAMAD ASHI

DISEMBER 2015

RINGKASAN EKSEKUTIF

Mewujudkan dan meningkatkan keupayaan modal insan koperasi merupakan teras strategik ketiga DKN 2011-2020 yang menjadi antara strategi utama bagi mencapai kejayaan dalam gerakan koperasi di Malaysia untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir yang berkualiti. Matlamat ini akan dicapai dengan mengubah minda pemimpin, anggota dan tenaga kerja koperasi ke arah lebih proaktif, kreatif, inovatif serta berbudaya keusahawanan yang berilmiah koperasi.

Pada tahun 1991, MKM telah memperkenalkan program jangka panjang yang membuka peluang kepada pelajar lepasan SPM untuk mengikuti kursus di peringkat diploma iaitu Diploma Pengurusan Koperasi (DPK). Program ini telah mendapat pengiktirafan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) pada 3 Ogos 2001, dan telah diperbaharui pada tahun 2006 dan 2011. Matlamat utama MKM melaksanakan program Diploma Pengurusan Koperasi adalah untuk melahirkan graduan diploma yang berkualiti dalam melahirkan tenaga pengurusan koperasi yang terlatih, cekap dan proaktif.

Setelah hampir 24 tahun program ini dilaksanakan, tiada sebarang kajian yang berkaitan dengan graduan DPK MKM dibuat oleh mana-mana penyelidik. Rentetan daripada itu, kajian ini telah dijalankan bagi mengenalpasti perkembangan graduan DPK MKM yang telah bekerja dengan melihat kepada ciri-ciri kebolehpasaran (*employability*) dan model McLagan berdasarkan kesesuaian modul DPK MKM dan seterusnya menilai prestasi kompetensi dalam

pekerjaan sebenar. Kompetensi graduan diukur dengan nilai jurang melalui prestasi sebenar dan prestasi jangkaan dalam kebolehpasaran kerja. Objektif kajian ini adalah untuk mendapatkan profil graduan DPK MKM, mengenalpasti jangkaan majikan terhadap prestasi graduan, mengenalpasti prestasi sebenar graduan, dan mengukur jurang kompetensi graduan.

Data kajian diperoleh melalui dua langkah iaitu dengan membuat pengesahan graduan dan seterusnya mendapatkan maklum balas penilaian daripada majikan graduan. Maklumat graduan DPK MKM diperoleh daripada pangkalan data siswazah Pusat Pengajian Tinggi (PPT), MKM yang melibatkan graduan konvokesyen pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Penyelidik telah menggunakan pelbagai kaedah bagi mengesan graduan dengan melalui panggilan telefon, pos, sistem pesanan ringkas (SMS) dan pengesahan dalam talian (online) seperti Facebook dan e-mel. Berdasarkan kepada maklum balas graduan, penyelidik memilih sampel daripada graduan yang bermajikan. Seterusnya borang soal selidik diedarkan kepada majikan semasa graduan melalui kaedah temubual bersemuka, e-mel dan pos. Tindakan susulan melalui panggilan telefon dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan borang soal selidik yang diperoleh lengkap diisi.

Borang maklumat graduan telah dihantar kepada 277 graduan yang tamat pengajian pada tahun 2011, 2012 dan 2013. Kadar maklum balas yang diterima adalah sebanyak 80 graduan yang bermajikan. Responden terdiri daripada 59 (73.8%) orang graduan perempuan dan 21 (26.2%) orang graduan lelaki. Kebanyakkan responden kajian mempunyai PNGK di antara 2.50 hingga 3.49 dengan peratusan 87.6 peratus. Maklumat kajian mendapati sebanyak 37 (46.3%) responden bekerja di sektor koperasi dan selebihnya di sektor swasta dan kerajaan.

Kajian rintis telah dijalankan terhadap 20 graduan DPK MKM dan majikan semasa graduan untuk menguji kefahaman responden terhadap soalan kajian yang terkandung di dalam borang soal selidik. Hasil daripada kajian rintis menunjukkan borang soal selidik yang digunakan boleh digunakan untuk kajian sebenar dengan sedikit penambahbaikan.

Dapatan kajian menunjukkan, prestasi jangkaan majikan terhadap graduan DPK MKM bagi sembilan kemahiran kompetensi adalah pada tahap mahir dan sangat mahir iaitu melebihi 70.0 peratus dan kemahiran kompetensi yang mencatat nilai min skor tertinggi adalah kemahiran komunikasi (4.29). Manakala, bagi prestasi sebenar graduan DPK pula adalah melebihi 60.0 peratus pada tahap mahir dan sangat mahir. Kemahiran kompetensi yang

mencatat nilai min skor tertinggi pula adalah Kemahiran Kerja Berpasukan (4.32), manakala nilai min skor terendah adalah Kemahiran Komunikasi iaitu 3.91 serta Keterampilan Perniagaan dan Keterampilan Intelektual masing-masing iaitu 3.85.

Dapatan ini menunjukkan bahawa penekanan keperluan kompetensi terutamanya Kemahiran Komunikasi, Perniagaan dan Intelektual seperti yang dicadangkan oleh majikan dalam usaha meningkatkan tahap kompetensi graduan DPK MKM adalah bertepatan/berpadanan dengan hasil dapatan yang diperoleh.

Melalui kajian analisis jurang ini, didapati bahawa terdapat jurang kompetensi graduan dalam prestasi jangkaan dan prestasi sebenar graduan tetapi dengan nilai yang amat rendah iaitu tidak melebihi 0.5. Jurang yang tertinggi adalah Kemahiran Komunikasi dengan nilai jurang (-0.38) dan nilai jurang terendah adalah Kemahiran Kepimpinan (-0.01). Secara keseluruhan, semua elemen kompetensi kecuali Kemahiran Kerja Pasukan yang dikaji mencatatkan jurang negatif yang membawa maksud wujudnya kekurangan didalam prestasi kerja sebenar para graduan dengan prestasi yang diharapkan oleh para majikan.

Hasil dapatan kajian ini, penyelidik mendapati bahawa graduan DPK mempunyai kekuatan dalam aspek Kemahiran Kerja Berpasukan dan graduan perlu mempertingkatkan kekurangan dari aspek Komunikasi, Keterampilan Perniagaan dan Intelektual.